

## Yide hulur bantuan kepada ibu tunggal OKU

BANGI - Seorang ibu beranak tiga dan baru melahirkan bayi minggu lalu yang kehilangan suami akibat kemalangan di Bandar Baru Bangi menerima bantuan daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide), di sini, semalam.

Pengurus Operasi Bahagian Promosi dan Sumbangan YIDE, Md Arifin Jaafar berkata, wanita terbabit, Mas Suni Mat Husin, 35 juga golongan kurang upaya (OKU) sejak lahir dan kini berkhidmat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Cawangan Kajang.

"Saya difahamkan, semasa menerima berita tersebut, Mas Suni sedang berpantang di rumah keluarganya di Kelantan selepas melahirkan anak yang ketiga.

"Berikutan kejadian menimpa suaminya, Yide memberi sumbangan berbentuk wang tunai dan barang keperluan asas bagi meringankan beban yang ditanggung," katanya selepas ziarah keluarga berkenaan di rumahnya di sini.

Menurutnya, Yide juga membantu mendaftarkan ketiga-tiga anak yatim itu, Muhammad Adam Arfan Hakim Mohd Idrus, 8; Muhammad Dania Afi Hakim, 7 dan Muhammad Firas Arfa



Antara yang hadir menghulurkan bantuan kepada Mas Suni (dua, kiri) ketika membuat lawatan di rumahnya, semalam.

Hakim yang berusia lapan hari sebagai penerima bantuan Yide terutama wang saku semasa bulan Ramadan.

"Saya dimaklumkan oleh ibu bapa Mas Suni bahawa Lembaga Zakat Selangor dan JKM Selangor

turut hadir memberi sokongan moral dan sumbangan kepada keluarga ini.

"Saya juga puji sikap masyarakat setempat yang cakna dengan seperti ini kerana ramai yang hadir dan menyalurkan sumbangan ke-

pada keluarga ini tanpa mengira bangsa," katanya.

Dalam pada itu, Md Arifin berkata Yide adalah agensi yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti kebajikan di Selangor termasuk memberi sumbangan se-

 **Saya dimaklumkan oleh ibu bapa Mas Suni bahawa Lembaga Zakat Selangor dan JKM Selangor turut hadir memberi sokongan moral dan sumbangan kepada keluarga ini.** - Md Arifin

cara ad-hoc.

"Kita juga beri bantuan wang tunai dan keperluan asas makanan dan minuman selain pakaian kepada mangsa-mangsa yang ditimpa musibah," katanya.

Dalam kejadian Selasa lalu, suami Mas Suni, Mohd Idrus Ibrahim, 37, yang baru menghantar anaknya ke Sekolah Kebangsaan Jalan 6, Bandar Baru Bangi meninggal dunia selepas mengalami serangan jantung hingga mengakibatkan kenderaan dipandu terbabas melanggar pokok di Jalan 6A/4, Seksyen 16, di sini.